

Muhyiddin menghadap Agong sesi pra-Kabinet

Mesyuarat
menerusi sidang
video selepas PM
jalani kuarantin

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bagi sesi pra-Kabinet menerusi persidangan video, semalam.


Perdana Menteri melalui akaun Facebook miliknya, turut memuat naik beberapa keping gambar persidangan video itu dari kediamannya.

Mesyuarat pra-Kabinet diadakan bersama Yang di-Pertuan Agong setiap minggu bagi berbincang dan bertukar pendapat berkenaan isu semasa.

Lazimnya, mesyuarat pra-Kabinet diadakan di Istana Melawati, dekat sini.

Perdana Menteri masih lagi menjalani kuarantin sendiri selama 14 hari mengikut nasihat diberikan Kementerian Kesihatan (KKM).

Keputusan itu diambil susulan



Muhyiddin menghadap Seri Paduka bagi sesi pra-Kabinet yang diadakan menerusi persidangan video dari kediamannya di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, disahkan positif COVID-19 pada 5 Oktober lalu.

Muhyiddin kemudian memperkerusikan mesyuarat mingguan Kabinet melalui persidangan vi-

deo dari kediamannya di sini.

Beliau turut berkongsi beberapa keping gambar dalam laman Facebooknya ketika berlangsungnya mesyuarat itu.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Berdasarkan perkongsian gambar berkenaan, antara barisan menteri yang hadir ialah Menteri Kanan Pendidikan, Dr Radzi Jidin; Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.